



GARIS PANDUAN

SCHOLARSHIP OF TEACHING AND LEARNING
(SOTL)

Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
<https://comae-i.unisza.edu.my>

2021

KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	2
2.0	Konsep <i>Scholarship of Teaching and Learning</i> (SoTL)	2
3.0	Tema <i>Scholarship of Teaching and Learning</i> (SoTL).....	3
3.1	Kreativiti.....	3
3.1.1	Definisi Kreativiti	3
3.1.2	Bidang Utama Kreativiti	4
3.2	Inovasi.....	5
3.2.1	Definisi Inovasi	5
3.2.2	Bidang Utama Inovasi.....	6
4.0	Syarat Permohonan	7
5.0	Tempoh Kajian Tindakan	7
6.0	Kriteria Penilaian	8
7.0	Mekanisme Pengurus dana	8
7.1	Pengurusan.....	8
7.2	Peruntukan.....	8
7.3	Penilaian Kertas Cadangan.....	9
7.4	Pemantauan Kemajuan Kajian Tindakan.....	9
8.0	Hasil Kajian Tindakan	9
9.0	Kualiti Kajian Tindakan	10
10.0	Penghantaran Laporan Akhir.....	10
11.0	Kaedah Permohonan	11
12.0	Maklumat Lanjut	11

1.0 Pengenalan

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menawarkan Dana *Scholarship of Teaching and Learning* (SoTL) khusus kepada tenaga akademik UniSZA. Dana ini diuruskan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i).

SoTL diterjemahkan sebagai Kesarjanaan dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Ia merujuk kepada penjanaan dan perkongsian ilmu dalam PdP dengan menggunakan pendekatan kreatif dan inovatif berasaskan falsafah, teori dan prinsip pengajaran yang mantap. Ia bertujuan meningkatkan kualiti keberkesanan PdP, seterusnya hasil dapatan dapat dimanfaatkan dan dikembangkan.

Penawaran Dana SoTL bertujuan mendorong tenaga akademik UniSZA menghasilkan kajian tindakan berimpak tinggi secara kreatif dan inovatif ke arah mencapai keberkesanan PdP serta pentaksiran.

2.0 Konsep *Scholarship of Teaching and Learning* (SoTL)

- 2.1** Dana SoTL berkonsepkan kajian tindakan yang berbentuk inkuiri refleksi sendiri, iaitu pensyarah bertindak sebagai penyelidik dalam amalan PdP masing-masing.
- 2.2** Sebagai penyelidik, pensyarah perlu melaksanakan tindakan praktik (intervensi) bertujuan memperbaiki atau meningkatkan kualiti amalan pengajaran masing-masing, di samping meningkatkan kefahaman tentang amalan tersebut.
- 2.3** Kajian tindakan ini memberi fokus kepada amalan PdP dan tingkah laku pelajar sebagai objek penyelidikan dengan menerapkan kaedah (i) menganalisis amalan pengajaran sendiri; (ii) melibatkan sastera falsafah dan teori yang berkaitan; serta (iii) menggunakan kaedah intervensi atau tinjauan.

2.4 Terdapat tiga ciri penting kajian tindakan yang perlu dipraktikkan dalam penyelidikan Dana SoTL, iaitu:

i. Amalan refleksi

Kajian tindakan menggalakkan pensyarah melakukan refleksi sendiri terhadap amalan pengajaran dan seterusnya melakukan perubahan dan penambahbaikan terhadap amalan pengajaran tersebut. Dalam hal ini, pensyarah perlu sentiasa berfikir tentang amalan pengajarannya bagi membolehkan refleksi berlaku dan seterusnya kajian tindakan ke arah meningkatkan kualiti keberkesanan PdP dapat dilakukan.

ii. Penglibatan pensyarah

Pensyarah akan terlibat dalam penyelidikan tersebut sebagai tindakan praktik (intervensi) bagi meneliti dan memahami isu dalam proses PdP serta mempunyai sifat bertanggungjawab kepada penyelesaian isu yang telah dikenal pasti. Dalam hal ini, pensyarah ialah penilai terbaik dalam memahami situasi isu tersebut serta layak untuk menilai dan mempertimbangkan tindakan penambahbaikan.

iii. Penilaian Berterusan

Kajian tindakan melibatkan pensyarah melakukan penilaian berterusan yang merangkumi proses membuat refleksi, merancang, melaksanakan dan memerhati, seterusnya mengulang kembali lingkaran proses tersebut sebagai satu usaha penilaian berterusan bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan.

3.0 Tema *Scholarship of Teaching and Learning (SoTL)*

Tema umum bagi Dana SoTL ini adalah kreativiti dan inovasi.

3.1 Kreativiti

3.1.1 Definisi Kreativiti

Kreativiti ialah penjanaan idea, teknik atau strategi dalam PdP dan pentaksiran. Kreativiti diukur berdasarkan perkembangan idea di luar kotak

pemikiran biasa atau/dan memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi menghasilkan kreativiti dalam PdP dan pentaksiran.

3.1.2 Bidang Utama Kreativiti

i. Membangunkan kreativiti dalam kurikulum

Penyelidik membangunkan kreativiti dalam kurikulum ke arah membentuk pelajar yang dapat (i) menghasilkan idea kreatif dan inovatif; (ii) mempunyai keterampilan diri dan personaliti individu kreatif; (iii) menguasai kemahiran; (iv) berkebolehan berkomunikasi dalam menyampaikan idea; serta (v) mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mengurus kehidupan harian. **Contoh:** membangunkan kreativiti dalam isi kandungan pelajaran, tema pembelajaran, reka bentuk dan modul pembelajaran, serta strategi dan pelaksanaan kurikulum.

ii. Membangunkan kreativiti dalam pemikiran pelajar

Penyelidik membangunkan kreativiti dalam pemikiran pelajar menerusi penghasilan idea kreatif yang boleh diadaptasi oleh pelajar untuk diaplikasikan. Ia juga mampu mencorakkan perkembangan minda positif pelajar seperti (i) berpandangan progresif; (ii) berfikiran terbuka; (iii) bersikap kritis dalam pembacaan dan penjanaan pengetahuan; serta (iv) mampu mencetuskan idea baharu yang mendorong kepada kemajuan diri, keusahawanan, pembangunan sendiri, dan kemahiran insaniah pelajar. **Contoh:** Penghasilan bahan bacaan, modul, aktiviti, program, atau gamifikasi.

iii. Membangunkan kreativiti persekitaran pembelajaran

Penyelidik membangunkan persekitaran pembelajaran yang membantu ke arah pemupukan kreativiti pelajar. Ia melibatkan aspek hubungan komunikasi dan interaksi melalui tingkah laku seperti perkongsian idea dan kemahiran afektif yang mendorong kepada keberkesanan pembelajaran. **Contoh:** kreativiti yang mencorakkan iklim pembelajaran yang dinamik, aktif, dan progresif yang dapat memperkasakan kolaborasi antara pelajar, pengajar, komuniti, mahupun industri.

iv. Membangunkan kreativiti dalam pengajaran

Penyelidik membangunkan kreativiti dalam pengajaran dengan melakukan perubahan perlu yang lebih kreatif dalam melaksanakan PdP di luar kotak pemikiran biasa. Ia bertujuan mencari kaedah serta pendekatan baharu yang lebih berkesan, seterusnya memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau kemahiran secara efektif dan interaktif. **Contoh:** Perubahan yang memberi impak kepada keberkesanan pembelajaran dan dapat meningkatkan motivasi pelajar melalui (i) kaedah pengajaran; (ii) pendekatan pengajaran; (iii) pengurusan dan organisasi pengajaran; serta (iv) perancangan dan pelaksanaan pengajaran berbantuan alat bantu mengajar (ABM) yang interaktif.

3.2 Inovasi

3.2.1 Definisi Inovasi

Inovasi ialah usaha menambah baik nilai PdP dan pentaksiran bagi kursus yang diajar dengan memanfaatkan teknologi terkini. Kejayaan inovasi diukur berdasarkan impaknya terhadap peningkatan kualiti keberkesanan PdP dan pentaksiran.

3.2.2 Bidang Utama Inovasi

i. Membangunkan pedagogi baharu dalam PdP

Penyelidik menghasilkan satu kaedah atau kemahiran baharu dalam pengajaran untuk meningkatkan keberkesanan PdP pelajar. **Contoh:** penggunaan imej, data, teknik, serta modul yang membolehkan pelajar mendapat maklumat dengan lebih efisien dan efektif.

ii. Membangunkan teknologi baharu dalam PdP

Penyelidik menghasilkan inovasi dalam PdP dengan memanfaatkan medium teknologi terkini. **Contoh:** E-Pembelajaran, analitik pembelajaran, Realiti Maya (VR), Realiti Terimbuh (AR), Kecerdasan Buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin (ML) dalam kandungan PdP.

iii. Menjana pengetahuan baharu dalam pembelajaran

Penyelidik menghasilkan inovasi dalam PdP dengan menggunakan alat dan teknologi digital secara inovatif. Ia bertujuan memperkasakan penyampaian seterusnya menjadikan pembelajaran berinteraktif tinggi melalui pengetahuan baharu dengan menghubungkannya ke dunia realiti. **Contoh:** Mendedahkan para pelajar dengan konsep pengetahuan baharu secara kreatif dan inovatif dengan menterjemahkannya dalam bentuk idea atau produk seperti kaedah permainan kreatif dan penerokaan masalah atau melalui penggunaan produk inovasi dalam PdP seperti Realiti Maya (VR) atau Realiti Terimbuh (AR).

iv. Membangunkan kaedah baharu pentaksiran dalam talian

Penyelidik menghasilkan inovasi pada kaedah pentaksiran dalam talian yang merangkumi jenis sumatif, formatif dan lain-lain. Pentaksiran dalam talian merujuk kepada sebarang jenis

penilaian termasuk peperiksaan akhir, peperiksaan pertengahan, peperiksaan buka buku (*open-book*), kuiz dan sebagainya. **Contoh:** sistem pengendalian peperiksaan dan kuiz melalui laman sesawang atau intranet.

4.0 Syarat Permohonan

Dana SoTL terbuka kepada semua staf akademik UniSZA yang menepati kriteria dan syarat berikut:

- i. Ketua penyelidik dan ahli kumpulan adalah dari kalangan pensyarah UniSZA sahaja.
- ii. Pensyarah dan Guru Bahasa berstatus tetap dan kontrak boleh memohon. Pensyarah dan Guru Bahasa berstatus kontrak mestilah mempunyai baki kontrak sekurang-kurangnya 12 bulan perkhidmatan.
- iii. Keutamaan akan diberikan kepada pensyarah laluan pengajaran, walau bagaimanapun pensyarah laluan lain boleh mengemukakan permohonan.
- iv. Pemohon dibenarkan mengetuai hanya SATU (1) projek penyelidikan SoTL sahaja pada satu masa.
- v. Ahli projek penyelidikan SoTL yang penyelidikannya masih belum tamat, boleh mengemukakan permohonan.
- vi. Keanggotaan kumpulan penyelidik adalah minimum tiga (3) orang dan maksimum lima (5) orang.
- vii. Pensyarah yang sedang cuti belajar tidak dibenarkan memohon atau menganggotai kumpulan penyelidik.
- viii. Panel penilai SoTL yang telah dilantik tidak dibenarkan memohon Dana SoTL bagi tahun tersebut, tetapi boleh menjadi ahli penyelidik.

5.0 Tempoh Kajian Tindakan

5.1 Tempoh minimum bagi kajian tindakan Dana SoTL adalah enam (6) bulan dan maksimum 12 bulan atau satu (1) tahun sahaja.

- 5.2** Sekiranya kajian tindakan tidak dapat ditamatkan dalam tempoh tersebut, ketua penyelidik perlu mengemukakan permohonan melanjutkan tempoh kajian tindakan kepada pihak pengurus dana berserta surat tunjuk sebab.
- 5.3** Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada budi bicara pihak pengurus dana. Pihak pengurus dana mempunyai hak mutlak berdasarkan saranan Jawatankuasa Penilaian untuk membuat panggilan terhadap sebarang penambahbaikan hasil penyelidikan dalam tempoh **ENAM BULAN (6)** selepas tamat perjanjian.

6.0 Kriteria Penilaian

- 6.1** Kertas cadangan kajian tindakan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu inovasi atau kreativiti di luar kotak pemikiran biasa, serta memberi impak kepada kualiti keberkesanan PdP dan pentaksiran sebagaimana yang dinyatakan dalam tema dan bidang utama Dana SoTL.

7.0 Mekanisme Pengurusan dana

7.1 Pengurusan

Dana SoTL akan diuruskan oleh pihak CoMAE-i. CoMAE-i bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses pemilihan dan penilaian kertas cadangan melalui Jawatankuasa Penilaian yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UniSZA.

7.2 Peruntukan

- 7.2.1** Nilai dana akan dibiayai oleh UniSZA dan segala perbelanjaan yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan peraturan lain dari semasa ke semasa.
- 7.2.2** Nilai dana kajian tindakan yang ditawarkan adalah tetap dan tidak boleh diubah setelah dipersetujui. Sebarang permohonan bagi tujuan penambahan nilai dana adalah sama sekali tidak dibenarkan.

7.2.3 Pembiayaan dan tuntutan yang diluluskan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan bagi penyelidikan geran dalaman universiti.

7.3 Penilaian Kertas Cadangan

7.3.1 Kertas cadangan kajian tindakan akan dinilai oleh satu Jawatankuasa yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UniSZA.

7.3.2 Penilaian kertas cadangan kajian tindakan melibatkan dua proses berikut:

- i. Kriteria kertas cadangan
- ii. Pembentangan kertas cadangan

7.4 Pemantauan Kemajuan Kajian Tindakan

7.4.1 Pelaksanaan kajian tindakan akan dipantau melalui borang kemajuan penyelidikan.

7.4.2 Ketua penyelidik perlu memaklumkan kepada pihak pengurus dana secara bertulis dengan kadar segera sekiranya terdapat sebarang kemungkinan yang akan mengganggu kelancaran kajian tindakan. Namun, makluman tersebut tidak menjadikan kumpulan penyelidik mempunyai hak pelepasan daripada menyelesaikan kajian tindakan.

8.0 Hasil Kajian Tindakan

8.1 Bukti hasil kajian tindakan perlu didokumenkan bersama laporan akhir penyelidikan.

8.2 Menghasilkan sekurang-kurangnya SATU (1) penerbitan dalam jurnal berindeks.

8.3 Penyelidik **digalakkan** untuk memohon pendaftaran Harta Intelek (IP) sebelum tamat penyelidikan dan sebelum penerbitan jurnal.

8.4 Penghargaan kepada Dana SoTL UniSZA mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan dan IP.

9.0 Kualiti Kajian Tindakan

9.1 Penyelidik perlu menghasilkan kajian tindakan sejajar dengan objektif dan jangkaan hasil yang telah ditetapkan dalam kertas cadangan kajian tindakan.

9.2 Sekiranya hasil kajian tindakan tidak mencapai objektif yang telah ditetapkan, pihak pengurus dana berhak untuk memohon penyelidik menambah baik kajian tindakan tanpa bayaran tambahan.

10.0 Penghantaran Laporan Akhir

10.1 Perjanjian penyelidikan secara rasminya akan dianggap tamat setelah laporan akhir kajian tindakan yang berkualiti dihantar kepada pihak pengurus dana berserta dengan dokumen yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Pemohon perlu menyerahkan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- ii. Laporan akhir pembentangan perlu mengikut templat yang ditetapkan oleh pihak pengurus dana.
- iii. Laporan akhir perlu dihantar dalam bentuk tiga (3) salinan bercetak dan salinan lembut.

11.0 Kaedah Permohonan

11.1 Pemohon boleh mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang permohonan Dana SoTL di laman web CoMAE-i (menu **Bahagian -> Bahagian TPIA -> Informasi -> Borang Permohonan Dana SoTL**).

11.2 Borang permohonan yang telah lengkap perlu dimuat naik dalam sistem SoTL melalui pautan <https://adams.unisza.edu.my/age1>

12.0 Maklumat Lanjut

Pertanyaan lanjut berkaitan Dana SoTL boleh menghubungi:

- i. Puan Saliza Ghazali di talian 012-938 1032
(salizaghazali@unisza.edu.my)
- ii. Dr. Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff di talian 019-549 8412
(zuraidahjuliana@unisza.edu.my)

**Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik
Universiti Sultan Zainal Abidin
Julai 2021**